



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI JULAI 2025

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi Julai 2025. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas kira-kira 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar dari 11 sektor ekonomi, di semua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen/keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi negara.
3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen kurang optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Indeks utama BSI, iaitu sub-indeks Keadaan Perniagaan, adalah 50.3 bagi Julai 2025. Walaupun ini menunjukkan perkembangan, hasil kaji selidik menggambarkan landskap perniagaan yang berbeza-beza merentasi saiz dan sektor. Sentimen optimistik di bulan Julai secara amnya didorong oleh acara-acara berkaitan dengan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, serta projek-projek baharu daripada tawaran kontrak dan projek. Sentimen optimistik tersebut diimbangi oleh pandangan pesimistik di kalangan perniagaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) yang mengongsikan cabaran termasuk tekanan kewangan, ketidakpastian mengenai ketersediaan projek baharu, permintaan pengguna yang lemah, serta kelembapan bermusim bagi beberapa sektor. Indeks satu bulan ke hadapan telah menurun sedikit kepada 50.1, mencerminkan sentimen yang berbeza namun menunjukkan kecenderungan ke arah pandangan yang sedikit optimistik. Ini didorong oleh pelbagai faktor termasuk tempoh cuti persekolahan pada bulan Ogos yang akan memanfaatkan beberapa sektor,

konvokesyen, kempen promosi, pelancaran produk baharu, dan pelaksanaan projek yang dijangka akan meningkatkan aktiviti perniagaan.

5. Sub-Indeks Pelaburan dicatat pada tahap 50.5 bagi Julai 2025, 50.4 untuk indeks satu bulan ke hadapan, dan 50.4 bagi tiga bulan ke hadapan. Mengelakkan tren dari bulan-bulan sebelumnya, para peniaga terus melaporkan peningkatan tahap pelaburan berkaitan dengan projek-projek semasa dan yang akan datang, serta pengembangan kemudahan dan pembangunan infrastruktur. Walau bagaimanapun, sentimen optimistik ini secara lazimnya didorong oleh perniagaan besar, manakala perniagaan yang lain pula melaporkan tiada perubahan pada tahap pelaburan memandangkan ketidakpastian keadaan pasaran.
6. Sub-Indeks Pengambilan Pekerjaan adalah 49.9 bagi Julai 2025 dan 50.2 bagi satu bulan ke hadapan. Walaupun sub-indeks bulan Julai secara amnya menunjukkan jangkaan pengurangan jumlah pekerja, penurunan ini didorong terutamanya oleh usaha sektor Minyak & Gas dan yang Berkaitan untuk meningkatkan kecekapan operasi serta penamatkan kontrak bagi pekerja-pekerja asing. Sebaliknya, beberapa sektor lain melapor rancangan untuk terus mengambil pekerja baharu untuk menampung keperluan projek akan datang, atau mengekalkan jumlah pekerja yang sedia ada. Memandang ke hadapan, prospek pengambilan pekerja kekal positif, didorong oleh keperluan tenaga kerja tambahan bagi menyokong projek baharu di masa akan datang serta mengantikan pekerja yang telah meletak jawatan.
7. Sub-Indeks Kos Perniagaan dicatat pada tahap 49.5 bagi Julai 2025 dan 50.3 bagi satu bulan ke hadapan. Sebahagian besar penurunan sub-indeks bulan Julai diakibatkan oleh perniagaan dalam sektor Minyak & Gas dan yang Berkaitan yang menjangka kos operasi akan menurun disebabkan pengoptimuman kos dan selesainya aktiviti penyelenggaraan pada Jun 2025. Sebaliknya, perniagaan dalam sektor-sektor lain menjangka kenaikan kos operasi disebabkan oleh faktor-faktor seperti peningkatan aktiviti perniagaan, perbelanjaan berkaitan pekerja yang lebih tinggi seperti insurans perubatan, dan kos bahan mentah yang meningkat. Faktor-faktor yang sama juga dicatat bagi bulan seterusnya, termasuk perbelanjaan gaji yang lebih tinggi dengan jangkaan peningkatan jumlah pekerja pada bulan Ogos 2025, serta aktiviti penyelenggaraan tambahan berjadual untuk sektor Minyak & Gas dan yang Berkaitan.

BSI Julai 2025	
Keadaan Perniagaan	50.3
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.1
Pelaburan	50.5
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.4
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.4
Pengambilan Pekerja	49.9
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Kos Perniagaan	49.5
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.3

8. Dari segi sektor ekonomi:

	Sektor	Indeks	Disebabkan oleh
Sentimen Optimistik	Kesihatan & Pendidikan	50.6	Peningkatan aktiviti perniagaan berikutan pemulihan selepas musim percutian pada bulan sebelumnya.
	Pengangkutan & Komunikasi	50.5	Jangkaan prestasi yang lebih baik dengan kenaikan permintaan untuk perjalanan jarak jauh, serta lebih banyak projek di kalangan perniagaan kecil.
	Minyak & Gas dan yang Berkaitan	50.4	Pemulihan selepas kerja-kerja penyelenggaraan serta jangkaan tahap pengeluaran yang lebih tinggi di bulan Julai 2025.
	Hotel & Restoran	50.3	Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, serta acara-acara yang berkaitan.
	Perkhidmatan Lain	50.1	Jangkaan penerimaan projek baharu dan pengendalian aktiviti promosi. Walau bagaimanapun, beberapa perniagaan mengongsikan cabaran berkaitan tekanan aliran wang dan kelembapan aktiviti pelanggan.
	Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.1	Peningkatan tahap pengeluaran dan pemulihan permintaan. Walau bagaimanapun, beberapa perniagaan turut menyuarakan kebimbangan berkaitan dengan cabaran bermusim.
	Kewangan & Insurans	50.1	Syarikat-syarikat insurans yang menjangka peningkatan permintaan produk berikutnya penguasaan dasar insurans mandatori yang baharu ¹ .

Berkuatkuasa mulai 1 Julai 2025, fasa pertama bagi Dasar Perlindungan Insurans Perubatan bagi Penduduk-Penduduk Tetap dan Pemegang Pas-Pas Imigresen bertujuan memastikan semua pemegang Pas Imigresen, para majikan dan Penduduk-Penduduk Tetap warganegara asing dalam kategori yang dimaksudkan mempunyai perlindungan insurans yang mencukupi apabila memerlukan rawatan perubatan semasa tinggal atau bekerja di Negara Brunei Darussalam. Sumber:

<https://www.labour.gov.bn/SitePages/Revision%20and%20Implementation%20of%20a%20Medical%20Insurance%20Policy.aspx>

Tiada Perubahan	Pembuatan	50.0	Perkembangan positif seperti peluang berkaitan acara-acara, projek baharu, dan peningkatan tahap pengeluaran diimbangi oleh cabaran seperti permintaan pengguna yang lembap.
Sentimen Kurang Optimistik	Pembinaan	49.9	<p>Peluang projek yang terhad dan tekanan kewangan membawa kepada penurunan jumlah tenaga kerja.</p> <p>Pada masa yang sama, beberapa perniagaan bersaiz sederhana dan kecil mencatatkan sentimen optimistik berikutan projek-projek baharu.</p>
	Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	49.9	Walaupun sektor secara umumnya melaporkan kestabilan, perniagaan menekankan keadaan pasaran yang perlahan dan isu teknikal.
	Perdagangan Borong & Runcit	49.8	Kelembapan aktiviti setelah musim percutian.

9. Dari segi saiz perniagaan:

	Saiz	Indeks	Disebabkan oleh
Sentimen Optimistik	Sederhana	50.1	Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menjana peningkatan aktiviti perniagaan, penambahbaikan operasi, dan perolehan projek dan kontrak baharu.
	Besar	50.3	
Tiada Perubahan	Mikro	50.0	Faktor positif, seperti peluang berkaitan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan penganugerahan projek baharu, diimbangi dengan tekanan negatif akibat permintaan yang lembap dan gangguan operasi.
	Kecil	50.0	

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak Ogos 2020 adalah di LAMPIRAN 1. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcb.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti

perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 10 Rabiulawal 1447H / 3 September 2025M

Ruj: BDCB/COMMS/3


LAMPIRAN 1

Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Pelaburan




Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.

Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama/tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos.


Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Julai 2025



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.